

TERMA PENGGUNAAN

SANDLER ONLINE

Sandler Systems, Inc. (“SSI” atau “kami”) telah membangunkan portal web peribadi, dilindungi kata laluan, selamat (juga dikenali sebagai “organisasi”) untuk jurulatih Sandler® berlesen bagi menyampaikan bahan latihan kepada pelanggan mereka dan untuk digunakan dalam pengukuhan latihan yang mereka berikan kepada pelanggan mereka. Kami memanggil setiap laman web ini sebagai PORTAL SANDLER. Jurulatih bertanggungjawab mentadbir kandungan PORTAL SANDLER untuk pelanggannya, serta nama pengguna dan kata laluan pengguna yang dibenarkan serta telah melesenkan penggunaan PORTAL SANDLER melalui jurulatih. Melalui PORTAL SANDLER, pelanggan dan individu dalam organisasi pelanggan yang menyertai latihan boleh mengakses buku kerja, buku strategi, nota edaran, penyampaian, fail video, fail audio, surat berita dan bahan bertulis lain (secara kolektif dikenali sebagai “Bahan SSI”); memuat naik dan menyebarkan fail dokumen/video/audio yang berkaitan dengan latihan, pelanggan dan/atau perniagaan pelanggan; dan berkomunikasi dengan jurulatih dan satu sama lain.

Berikut ialah terma dan syarat penggunaan PORTAL SANDLER. Sila baca dengan teliti. Dengan melayari PORTAL SANDLER kali pertama dan setiap kali log masuk yang seterusnya, anda bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan semua Terma Penggunaan ini, kerana kami mungkin memindanya dari masa ke masa.

Bahagian 1: Pengenalan

Kami berhak mengubah suai Terma Penggunaan ini pada bila-bila masa.

PORTAL SANDLER dimiliki dan dikendalikan oleh SSI. Soalan berkaitan dengan PORTAL SANDLER atau operasinya hendaklah dirujuk kepada jurulatih anda yang tertentu atau pentadbir sistem yang dikenal pasti dalam Bahagian 17 di bawah. Soalan mengenai kandungannya hendaklah dirujuk kepada jurulatih anda yang tertentu.

Kami menyediakan PORTAL SANDLER "SEPERTI SEDIA ADA" dan "SEPERTI YANG TERSEDIA". Kami tidak bertanggungjawab untuk ketepatan masa, penghapusan, salah penyampaian atau kegagalan menyimpan Kandungan Pengguna atau komunikasi atau tetapan anda.

Untuk menggunakan PORTAL SANDLER, anda mesti boleh mengakses Jaringan Sejagat dan anda mesti membayar apa-apa yuran akses Internet yang berkaitan dengan akses anda. Anda juga mesti menyediakan semua kelengkapan yang perlu untuk menyambung kepada Jaringan Sejagat, termasuk komputer atau peranti capaian yang lain. Di samping itu, anda mungkin dikehendaki menggunakan “pemalam” (seperti Adobe Flash) atau perisian tambahan (seperti Microsoft Word) untuk melihat, menggunakan atau memainkan kandungan yang terkandung dalam PORTAL SANDLER.

Bahagian 2: Kata Laluan dan Keselamatan

Anda akan menerima ID Pengguna dan kata laluan untuk PORTAL SANDLER. ID pengguna dan kata laluan anda adalah unik kepada anda. Anda tidak boleh menggunakan ID Pengguna dan kata laluan individu lain untuk mengakses PORTAL SANDLER atau anda tidak boleh membenarkan individu lain menggunakan ID Pengguna atau kata laluan anda. Anda tidak boleh menjual ID Pengguna atau kata laluan anda kepada pihak lain. Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan ID Pengguna dan kata laluan anda, serta anda bertanggungjawab untuk semua aktiviti yang berlaku di bawah ID Pengguna dan kata laluan anda.

Anda bersetuju (a) untuk memberitahu pentadbir sistem dengan segera apa-apa penggunaan ID Pengguna atau kata laluan anda yang tidak dibenarkan, atau apa-apa pelanggaran keselamatan lain yang menarik perhatian anda, dan (b) untuk log keluar dari akaun PORTAL SANDLER anda pada akhir setiap sesi.

Kami tidak boleh dan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada kegagalan anda untuk mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Bahagian 2 ini.

Bahagian 3: Privasi dan Pengumpulan Data

Lihat Dasar Privasi untuk Sandler Online untuk amalan kami berkenaan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat yang kami peroleh daripada anda.

ID pengguna dan kata laluan direkodkan untuk setiap pengguna yang mempunyai akses kepada PORTAL SANDLER. Kami juga boleh merekodkan masa dan tempoh setiap sesi penggunaan PORTAL SANDLER oleh ID Pengguna anda. Kami juga boleh merekodkan apabila, dan beberapa contoh, anda mengakses maklumat tertentu, atau tempoh masa yang dihabiskan untuk melihat kursus dan mana-mana kuiz, ujian atau pensijilan yang berkaitan. Alamat e-mel anda dan maklumat peribadi lain yang anda berikan di PORTAL SANDLER mungkin tersedia untuk pengguna PORTAL SANDLER yang lain.

Anda mewakili dan menjamin bahawa (i) anda akan mematuhi semua privasi, perlindungan data, undang-undang keselamatan data dan pemasaran yang terpakai, serta mana-mana undang-undang lain yang terpakai untuk pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyimpanan atau pengendalian data peribadi; (ii) sejauh mana yang anda berikan maklumat peribadi individu lain kepada kami, anda mewakili dan menjamin bahawa anda mempunyai kebenaran untuk berbuat demikian dan telah memberikan apa-apa notis yang diperlukan dan memperoleh apa-apa persetujuan yang dikehendaki untuk berbuat demikian; dan (iii) sejauh mana anda mengakses, menerima, menggunakan ataupun memproses (secara kolektif, “memproses”) apa-apa maklumat peribadi yang diterima melalui PORTAL SANDLER, anda dibenarkan untuk berbuat demikian dan anda hanya akan memproses maklumat tersebut dalam skop kuasa anda, mematuhi undang-undang terpakai dan tertakluk kepada mana-mana data, notis dan persetujuan yang diperlukan. Sekiranya anda menerima Terma Penggunaan ini bagi pihak syarikat anda atau dalam kapasiti anda sebagai wakil syarikat anda, anda mewakili dan menjamin bahawa anda mempunyai kuasa penuh untuk melakukannya dan mengikat syarikat anda kepada Terma Penggunaan ini.

Bahagian 4: Bahan SSI

Anda bersetuju bahawa Bahan SSI bertujuan untuk digunakan semata-mata oleh individu yang dilatih oleh jurulatih Sandler dan tidak boleh digunakan bagi tujuan lain. Tiada bahagian daripada Bahan SSI, sama ada teks, imej, audio atau video, boleh digunakan untuk apa-apa tujuan selain daripada menyediakan anda untuk latihan yang sedang anda terima dan sebagai pengukuhan latihan yang diberikan kepada anda. Anda bersetuju dengan nyata bahawa SSI mengekalkan pemilikan semua hak harta intelektualnya dalam Bahan SSI dan anda tidak boleh menyalin, mengubah suai, membuat kerja terbitan daripadanya atau menterjemah tanpa kebenaran bertulis daripada SSI terlebih dahulu. Anda mengakui bahawa SSI memegang hak cipta ke atas Bahan SSI.

Anda juga bersetuju untuk tidak menangkap gambar untuk digunakan kemudian dengan mana-mana “tangkap layar”, atau dengan cara lain, Bahan SSI dilihat dalam PORTAL SANDLER. Apa-apa bahan yang dimuat turun adalah untuk kegunaan peribadi anda dan tidak boleh disebarluaskan kepada mana-mana individu lain. Ini termasuk penggunaan PORTAL SANDLER pada mana-mana komputer awam seperti di perpustakaan atau kiosk hotel. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mana-mana bahan yang dilihat atau dimuat turun di komputer awam tidak lagi boleh didapati dengan apa cara sekalipun selepas anda log keluar dari sesi anda.

Bahagian 5: Kelakuan dan Kandungan

Sebagai syarat penggunaan berterusan PORTAL SANDLER, anda berjanji bahawa anda tidak akan menggunakan PORTAL SANDLER untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang atau dilarang oleh Terma Penggunaan ini. Apa-apa penggunaan PORTAL SANDLER yang tidak dibenarkan adalah dilarang dengan nyata dan kami berhak untuk menghapuskan bahan yang tidak sesuai dan menggantung atau menamatkan akaun mana-mana individu yang menggunakan PORTAL SANDLER bagi tujuan yang tidak dibenarkan.

Anda perlu memahami bahawa semua mesej, data, teks, fotograf, grafik, audio, video dan bahan atau maklumat lain yang dihantar melalui PORTAL SANDLER (kecuali maklumat yang kami kirimkan), sama ada dikirimkan untuk paparan umum atau dihantar secara peribadi ("Kandungan Pengguna"), menjadi tanggungjawab tunggal individu yang daripadanya berasal item Kandungan Pengguna. Sekiranya anda memuat naik, mengirimkan, menghantar mesej ataupun menghantar mana-mana Kandungan Pengguna, anda bertanggungjawab untuk mematuhi Terma Penggunaan ini. Walaupun kami mempunyai hak melakukannya, kami tidak memaparkan, mengedit atau mengawal Kandungan Pengguna. Kami tidak menerima tanggungjawab untuk kebenaran, ketepatan atau kesesuaian Kandungan Pengguna. Dalam apa jua keadaan, kami tidak akan bertanggungjawab dengan apa-apa cara untuk mana-mana Kandungan Pengguna, termasuk kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana Kandungan Pengguna, atau untuk apa-apa kerugian atau kerosakan dalam apa-apa jenis yang ditimbulkan akibat penggunaan mana-mana Kandungan Pengguna yang dikirimkan, dihantar dalam bentuk mesej ataupun dihantar melalui PORTAL SANDLER. Sebaik sahaja dikirimkan, Kandungan Pengguna boleh dilihat dan dimuat turun oleh pengguna PORTAL SANDLER yang lain.

Anda bersetuju tidak akan menggunakan PORTAL SANDLER untuk:

1. memuat naik, menyiarkan, menghantar mesej ataupun menghantar apa-apa Kandungan Pengguna yang menyalahi undang-undang, berbahaya, mengancam, kasar, mengganggu,

- menyalahi undang-undang, memfitnah, kasar, lucah, mencemar nama baik, mengeluarkan kata-kata sesat yang menceroobh privasi individu lain, kebencian, atau perkauman, mengikut etnik ataupun menyinggung perasaan;
2. menyamar sebagai mana-mana individu atau entiti;
 3. menyamar sebagai pengarang atau asal mana-mana Kandungan Pengguna yang anda hantar;
 4. memuat naik, mengirim, menghantar mesej ataupun menghantar apa-apa Kandungan Pengguna yang anda tidak mempunyai hak untuk menghantar di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah hubungan kontrak atau fidusiari (seperti maklumat dalaman, maklumat proprietari dan maklumat sulit);
 5. memuat naik, mengirim, menghantar mesej ataupun menghantar apa-apa Kandungan Pengguna yang melanggar mana-mana paten, tanda dagangan, rahsia perdagangan, hak cipta atau hak proprietari mana-mana pihak yang lain;
 6. memuat naik, mengirim, menghantar mesej ataupun menghantar apa-apa bahan iklan, promosi tanpa diminta atau tidak dibenarkan, "mel remeh," "spam," "surat berantai," atau apa-apa bentuk permintaan lain;
 7. memuat naik, mengirim, menghantar mesej ataupun menghantar apa-apa bahan yang mengandungi virus perisian atau mana-mana kod komputer, fail atau program lain yang direka bentuk untuk mengganggu, memusnahkan atau mengehadkan fungsian mana-mana perisian atau perkakasan komputer atau kelengkapan telekomunikasi;
 8. mengganggu aliran biasa dialog, menyebabkan skrin "menatal" dengan lebih cepat berbanding biasa, ataupun dengan cara yang memberi kesan negatif kepada kebolehan pengguna lain untuk terlibat dalam perbincangan yang teratur;
 9. campur tangan dengan atau mengganggu pelayan atau rangkaian yang disambungkan kepada PORTAL SANDLER;
 10. "mengintai" ataupun mengganggu individu lain; atau
 11. mengumpul, menyimpan atau berkongsi data peribadi tentang pengguna lain.

Kami berhak, mengikut budi bicara kami sendiri, menyekat atau mengeluarkan mana-mana Kandungan Pengguna yang tidak boleh diterima yang anda hantar atau berikan melalui PORTAL SANDLER. Tanpa mengehadkan kelebaran hak kami, anda dinasihatkan bahawa kami mempunyai hak untuk mengeluarkan mana-mana Kandungan Pengguna yang melanggar Terma Penggunaan ini atau sebaliknya tidak dapat diterima (dalam penentuan tunggal kami).

Kami menyimpan dan memelihara Kandungan Pengguna menurut dasar yang ditetapkan dan boleh mendedahkannya jika dikehendaki oleh undang-undang atau dengan kepercayaan suci hati bahawa pendedahan tersebut adalah semunasabahnya perlu (a) untuk mematuhi proses perundangan, (b)

untuk menguatkuasakan Terma Penggunaan ini, (c) untuk memberi respons terhadap tuntutan yang mana-mana Kandungan Pengguna melanggar hak pihak ketiga, atau (d) untuk melindungi hak, harta benda dan keselamatan peribadi SSI, pekerjaanya dan jurulatih berlesennya.

Kami boleh menghantar dan menyimpan Kandungan Pengguna anda melalui pelbagai rangkaian, pelayan komputer dan cara teknologi lain, serta kami boleh mengubah suai Kandungan Pengguna anda bagi mengikut dan menyesuaikan dengan keperluan teknikal bagi penyambungan rangkaian atau peranti.

Kami akan menggantung atau menamatkan hak mana-mana ID pengguna yang kami percaya, mengikut budi bicara kami sendiri, digunakan untuk menyebarkan spam atau mesej pukal yang tidak diminta dengan segera. Di samping itu, oleh kerana ganti rugi sukar dikira, anda bersetuju untuk membayar kami ganti rugi berjumlah U.S.\$5.00 dengan segera bagi setiap mesej pukal spam atau tindak diminta yang dihantar di bawah, ataupun yang dikaitkan dengan, ID Pengguna anda.

Bahagian 6: Penyediaan Produk atau Perkhidmatan

Kami berhak menolak apa-apa pesanan yang anda buat dengan kami. Kami boleh, mengikut budi bicara kami sendiri, menahkakan atau membatalkan kuantiti yang dibeli setiap individu, setiap alamat atau setiap pesanan.

Kadang-kala mungkin terdapat maklumat di Kedai Sandler yang mengandungi kesilapan tipografi, ketidaktepatan atau ketinggalan yang boleh dikaitkan dengan penerangan produk, penetapan harga, promosi, tawaran, caj penghantaran produk, masa transit dan ketersediaan. Kami berhak membetulkan mana-mana kesilapan, ketidaktepatan atau ketinggalan dan mengubah atau mengemas kini maklumat atau membatalkan pesanan sekiranya mana-mana maklumat tidak tepat pada bila-bila masa tanpa diberi notis terlebih dahulu (termasuk selepas anda telah mengemukakan pesanan anda). Sekiranya kami membuat perubahan atau membatalkan pesanan, kami akan memberitahu anda dengan menghubungi e-mel dan/atau alamat pengebilan/nombor telefon yang disediakan pada waktu pesanan dibuat.

Kami telah membuat segala usaha untuk memaparkan warna dan imej produk kami yang muncul di Kedai Sandler sebaik yang mungkin. Kami tidak boleh menjamin bahawa paparan mana-mana warna monitor komputer anda akan menjadi tepat.

Kami berhak, tetapi tidak diwajibkan, menahkakan penjualan produk atau perkhidmatan kami kepada mana-mana individu, wilayah geografi atau bidang kuasa. Kita boleh melaksanakan hak ini berdasarkan kes demi kes.

Kami tidak menjamin bahawa kualiti mana-mana produk, perkhidmatan, maklumat, atau bahan lain yang dibeli atau diperoleh oleh anda akan memenuhi jangkaan anda, atau apa-apa kesilapan dalam mana-mana perkhidmatan akan dibetulkan.

Anda bersetuju untuk memberikan maklumat pembelian dan akaun tempoh semasa, lengkap dan tepat untuk semua pembelian yang dibuat di Kedai Sandler. Anda bersetuju untuk segera mengemas kini akaun anda dan maklumat lain, termasuk alamat e-mel dan nombor kad kredit dan tarikh luput, supaya kami dapat menyempurnakan transaksi anda dan menghubungi anda seperti yang diperlukan.

Bahagian 7: Perlindungan daripada Kerugian

Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan ID Pengguna, kata laluan dan akaun anda, serta untuk semua aktiviti yang berlaku di bawah akaun anda. Anda melindungi dan bersetuju membela dan memegang lepas kami dan anak syarikat, ahli gabungan, pegawai, pengarah, ejen, rakan penjenamaan bersama atau rakan niaga yang lain dan pekerja daripada apa-apa tuntutan atau desakan, termasuk fi peguam yang berpatutan, yang dibuat oleh mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan atau timbul daripada Kandungan Pengguna yang anda kemukakan, kirim kepada atau hantar melalui PORTAL SANDLER, pelanggaran terhadap Terma Penggunaan ini, atau pelanggaran anda terhadap mana-mana hak yang lain. Anda bersetuju untuk tidak menyelesaikan apa-apa tuntutan atau menanggung mana-mana liabiliti atau pengakuan bersalah bagi pihak kami tanpa persetujuan daripada kami. Kami berhak, dengan perbelanjaan kami, mengambil alih pembelaan dan kawalan apa-apa perkara yang tertakluk kepada ganti rugi oleh anda.

Bahagian 8: Penggunaan dan Penyimpanan

Kami boleh menetapkan amalan dan had umum mengenai penggunaan PORTAL SANDLER. Ini termasuk bilangan hari maksimum yang mana mana-mana mesej, kiriman papan mesej atau Kandungan Pengguna dimuat naik yang lain akan dikekalkan di PORTAL SANDLER, serta saiz maksimum mana-mana fail, kiriman atau muat naik Kandungan Pengguna di PORTAL SANDLER. Kami menafikan apa-apa tanggungjawab atau liabiliti untuk penghapusan atau kegagalan menyimpan mana-mana mesej dan komunikasi lain atau Kandungan Pengguna lain yang dikekalkan atau dihantar oleh PORTAL SANDLER. Kami tidak membuat tuntutan terhadap ketersediaan data yang dipulihkan semula dalam hal kegagalan pelayan, bencana alam, kesilapan pengguna atau untuk apa-apa sebab lain data boleh menjadi rosak, tidak boleh digunakan atau dihapuskan. Kami berhak mengubah amalan dan had umum ini pada bila-bila masa, mengikut budi bicara kami sendiri, bersama atau tanpa notis.

Bahagian 9: Pengubahsuaian terhadap PORTAL SANDLER

Kami berhak mengubah atau menamatkan, untuk sementara atau secara kekal, PORTAL SANDLER (atau mana-mana cirinya), pada bila-bila masa dan dari masa ke masa, dengan atau tanpa notis. Anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan PORTAL SANDLER.

Bahagian 10: Penamatan

Kami boleh menggantung kata laluan, ID Pengguna anda atau penggunaan PORTAL SANDLER yang lain dan mengeluarkan dan membuang mana-mana Kandungan Pengguna jika anda melanggar Terma Penggunaan ini. Sekiranya anda melanggar Terma Penggunaan ini secara berulang kali, kami boleh menamatkan kata laluan, ID Pengguna anda atau penggunaan PORTAL SANDLER yang lain tanpa perlu membayar balik apa-apa fi bagi lesen. Kami akan menggantung kata laluan, ID Pengguna anda dan penggunaan PORTAL SANDLER yang lain apabila jurulatih Sandler anda memberitahu kami bahawa anda tidak lagi menerima latihan atau pengukuhan daripada Sandler. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga untuk fi bagi lesen ataupun untuk mana-mana penamatan atau penggantungan akses anda kepada PORTAL SANDLER.

Bahagian 11: Pautan dan Pengiklanan

PORTAL SANDLER boleh memberikan, atau pihak ketiga (iaitu, jurulatih Sandler anda atau individu lain dalam organisasi anda yang mempunyai akses kepada PORTAL SANDLER) boleh memberikan, pautan ke laman atau sumber Jaringan Jeragat lain. Kami tidak bertanggungjawab untuk ketersediaan laman web atau sumber luar tersebut dan kami tidak mengendorskan atau tidak mengambil alih apa-apa tanggungjawab untuk apa-apa kandungan, pengiklanan, produk, atau bahan lain pada atau tersedia dari laman web atau sumber tersebut. Penggunaan laman web pihak ketiga tersebut adalah atas risiko anda sendiri. SSI tidak mempunyai kawalan ke atas kandungan atau dasar laman web pihak ketiga tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab atau tertakluk, secara langsung atau tidak langsung, kepada apa-apa kerosakan atau kerugian yang berpunca atau dikatakan berpunca oleh atau berkaitan dengan penggunaan atau pergantungan kepada mana-mana kandungan, barangan atau perkhidmatan yang tersedia di atau melalui mana-mana laman web atau sumber tersebut.

Urusan perniagaan anda dengan, atau penyertaan dalam promosi, pengiklan yang ditemui di atau melalui PORTAL SANDLER, termasuk pembayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan berkaitan dan apa-apa terma, syarat, waranti atau perwakilan lain yang berkaitan dengan urusan tersebut, adalah semata-mata di antara anda dan pengiklan. Kami tidak akan bertanggungjawab atau tertakluk kepada apa-apa kerugian atau kerosakan dalam apa-apa jenis yang anda tanggung akibat daripada apa-apa urusan tersebut atau disebabkan oleh kemunculan pengiklan tersebut di PORTAL SANDLER.

Kami boleh meletakkan notis undang-undang, penafian, logo korporat dan slogan kami, iklan, pengendorsan, tanda dagangan dan maklumat pengenalan pasti lain di PORTAL SANDLER, yang kesemuanya kami boleh ubah suai, kembangkan atau hapuskan mengikut pilihan kami. Semua pertimbangan (dari segi kewangan dan bukan kewangan) yang diterima oleh kami kerana penempatan atau jualan iklan, pengendorsan dan penajaan di PORTAL SANDLER akan hanya menjadi milik kami.

Bahagian 12: Hak Harta Intelektual

Bahan SSI dilindungi oleh undang-undang hak cipta Amerika Syarikat.

Latihan S Sandler Mencari Kuasa Dalam Pengukuhan (dengan reka bentuk), Latihan S Sandler (dengan reka bentuk), Latihan Sandler, Sandler, Sandler Online, S Sandler Online (dengan reka bentuk), S Sandler Online Mencari Kuasa Dalam Pengukuhan (dengan reka bentuk), Sistem Penjualan Sandler, Ringkasan Sandler, Penjualan Balik Negatif, Sandler Siri Soalan Mengenai Kesakitan, Siri Soalan Mengenai Kesakitan (perkataan dan reka bentuk), Mencari Kuasa Dalam Pengukuhan, Kebertanggungjawaban Jualan, Tiada Keberanian, Tiada Keuntungan!, Kelebihan Profesional Sandler, Sidang Kemuncak Profesional, Sandlerworks!, Pensijilan Latihan Sandler (dengan reka bentuk), Sijil Gangsa Jualan Sandler yang Disahkan (dengan reka bentuk), Sijil Perak Jualan Sandler yang Disahkan (dengan reka bentuk), Sijil Emas Jualan Sandler yang Disahkan (dengan reka bentuk), Sijil Pakar Jualan Sandler yang Disahkan (dengan reka bentuk), Tenaga Pengajar Sandler yang Disahkan (dengan reka bentuk), Taktik untuk Profesional Jualan, Taktik untuk Profesional Pengurusan Jualan dan How to Succeed ialah tanda perkhidmatan Sandler Systems, Inc. Kapal Selam Sandler (perkataan dan reka bentuk), Pursuit Navigator, Client², dan Client-Centric Satisfaction ialah tanda perkhidmatan Sandler Systems, Inc. Wimp Junction ialah tanda perkhidmatan berdaftar Sandler Systems, Inc. dan Terry Slattery.

Kami memberi anda hak dan lesen peribadi, tidak boleh dipindah milik dan tidak eksklusif untuk menggunakan kod objek Perisian (dinyatakan di bawah) pada komputer anda. Anda berjanji untuk tidak menyalin, mengubah suai, membuat kerja terbitan daripadanya, penghasilan semula, pengumpulan semula ataupun cuba mencari mana-mana kod sumber, atau menjual, menyerahkan hak, sub-lesen, memberi kepentingan keselamatan ataupun memindahkan mana-mana hak dalam Perisian, sama ada secara langsung atau melalui pekerja anda atau kontraktor bebas. Anda bersetuju untuk tidak mengubah suai Perisian dalam apa-apa cara atau bentuk, atau menggunakan versi Perisian yang diubah suai untuk apa-apa tujuan, termasuk (tanpa had) untuk mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada PORTAL SANDLER. Anda bersetuju untuk tidak mengakses PORTAL SANDLER dengan cara lain selain daripada antara muka yang kami sediakan untuk digunakan dalam mengakses PORTAL SANDLER.

SSI ialah pemegang lesen utama dan akan mengekalkan semua hak, pemilikan dan kepentingan dalam dan terhadap Perisian dan semua Kandungan Pemilik (seperti yang dinyatakan di bawah) yang disediakan untuk, atau digunakan di, PORTAL SANDLER dan semua hak harta intelektual dalam atau terhadap mana-mana daripadanya.

"Kandungan Pemilik" bermaksud semua teks, imej, bunyi, fail, video, reka bentuk, animasi, susun atur, skema warna, pakaian dagangan, konsep, kaedah, teknik, proses dan data yang digunakan berhubung dengan, yang dipaparkan pada atau dikumpulkan daripada atau melalui PORTAL SANDLER yang kami kirim atau berikan.

"Perisian" bermaksud program komputer dan kod komputer (misalnya, HTML, Java) yang digunakan untuk, dengan atau di PORTAL SANDLER, tidak termasuk mana-mana program perisian yang dimiliki oleh pihak ketiga.

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di sini, tiada apa-apa di PORTAL SANDLER hendaklah diertikan sebagai menganugerahkan apa-apa lesen di bawah mana-mana hak harta intelektual, termasuk mana-mana hak dalam jenis tanda dagangan atau hak cipta, SSI atau mana-mana pihak ketiga, sama ada mengikut estoppel, implikasi atau sebaliknya. Semua jenama dan nama adalah milik pemilik masing-masing.

Bahagian 13: Pemberitahuan Pelanggaran Hak Cipta

Menurut Akta Hak Cipta Milenium Digital (DMCA) dan undang-undang lain yang terpakai, ia adalah dasar SSI, dalam keadaan yang wajar, menamatkan ID Pengguna dan kata laluan Pengguna yang dianggap melanggar hak cipta pihak ketiga dan mengeluarkan Kandungan Pengguna yang disifatkan sebagai melanggar undang-undang. Untuk memfailkan pemberitahuan pelanggaran hak cipta dengan SSI, anda perlu menghantar komunikasi bertulis kepada Ejen DMCA yang ditetapkan (di bawah) yang termasuk sebahagian besar berikut (sila rujuk penasihat undang-undang anda atau lihat 17 U.S.C. Bahagian 512(c) untuk mengesahkan keperluan ini):

1. Pengenalpastian kerja berhak cipta yang didakwa telah dilanggar dan pernyataan pemilikan terhadap kerja tersebut.
2. Pengenalpastian bahan yang didakwa melanggar atau menjadi subjek aktiviti pelanggaran dan yang akan dikeluarkan atau akses kepadanya akan dinyahaktifkan dan maklumat cukup memadai untuk membolehkan kami menjejaki bahan tersebut. Menyediakan URL dalam bahagian isi e-mel ialah cara terbaik untuk membantu kami mencari kandungan dengan cepat;
3. Maklumat cukup memadai untuk membolehkan kami menghubungi anda, seperti alamat, nombor telefon dan alamat e-mel yang boleh menghubungi anda;
4. Pernyataan bahawa anda mempunyai kepercayaan yang berniat baik bahawa penggunaan bahan dengan cara yang diadukan tidak dibenarkan oleh pemilik hak cipta, ejennya, atau undang-undang;
5. Pernyataan, di bawah penalti sumpah bohong, bahawa maklumat dalam pemberitahuan adalah tepat dan anda dibenarkan untuk bertindak bagi pihak pemilik hak eksklusif yang didakwa telah dilanggar;
6. Tandatangan fizikal atau elektronik (iaitu, “/s/ [cetak nama]”) seseorang yang dibenarkan bertindak bagi pihak pemilik hak eksklusif yang didakwa telah dilanggar.

Hantarkan pemberitahuan bertulis kepada Ejen DMCA yang ditetapkan oleh SSI:

Shannon Howell, VP Legal
Sandler Systems, Inc.
300 Red Brook Boulevard, Suite 400
Owings Mills, MD 21117, U.S.A.
Nombor Telefon: 410-559-2020
Nombor Faks: 410-653-6467
E-mel: legal@sandler.com

Sila ambil perhatian bahawa di bawah Bahagian 512 (f) DMCA, mana-mana individu yang dengan sengaja memberikan gambaran yang salah terhadap bahan atau aktiviti yang melakukan pelanggaran mungkin tertakluk kepada liabiliti untuk ganti rugi.

Pemberitahuan Balas untuk Pelanggaran Hak Cipta. Sekiranya kandungan anda telah diturunkan akibat pemberitahuan oleh pemilik hak cipta yang dikatakan bahawa hak cipta pihak tersebut telah dilanggar oleh kandungan anda, anda boleh memberi respons dengan menghantar pemberitahuan balas kepada Ejen DMCA yang ditetapkan (di atas) yang termasuk sebahagian besar yang berikut (sila rujuk penasihat undang-undang anda atau lihat 17 U.S.C. Bahagian 512(g)

untuk mengesahkan keperluan ini):

1. Senaraikan bahan yang telah dikeluarkan dan lokasi tempat bahan tersebut muncul sebelum ia dikeluarkan. Sila kenal pasti dengan cukup terperinci;
2. Sediakan nama, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel anda;
3. Pernyataan oleh anda, di bawah penalti sumpah bohong, bahawa anda mempunyai kepercayaan yang berniat baik bahawa bahan itu telah dikeluarkan atau dinyahaktifkan disebabkan oleh kesilapan atau salah pengenalpastian bahan yang akan dikeluarkan atau dinyahaktifkan;
4. Pernyataan bahawa anda bersetuju dengan bidang kuasa Mahkamah Daerah Persekutuan Amerika Syarikat untuk daerah kehakiman tempat anda tinggal (atau Baltimore, Maryland jika alamat anda di luar Amerika Syarikat) dan anda akan menerima perkhidmatan proses daripada individu yang menyediakan pemberitahuan kepada kami tentang pelanggaran yang didakwa atau ejen individu tersebut;
5. Tandatangan fizikal atau elektronik anda (iaitu, “/s/ [cetak nama]”).

Sila ambil perhatian bahawa di bawah Bahagian 512 (f) DMCA, mana-mana individu yang dengan sengaja memberikan gambaran yang salah terhadap bahan atau aktiviti telah dikeluarkan atau dinyahaktifkan secara tidak sengaja atau salah pengenalpastian mungkin tertakluk kepada liabiliti.

Bahagian 14: Penafian Waranti

ANDA MEMAHAMI DAN BERSETUJU DENGAN JELAS BAHAWA:

1. PENGGUNAAN PORTAL SANDLER ADALAH ATAS RISIKO ANDA SENDIRI. PORTAL SANDLER DISEDIAKAN BERDASARKAN "SEPERTI SEDIA ADA" DAN "SEPERTI YANG TERSEDIA". KAMI MENAFIKAN SEMUA WARANTI DARIPADA APA-APA JENIS, SAMA ADA YANG DINYATAKAN ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, WARANTI KEBOLEHDAGANGAN YANG TERSIRAT, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN BUKAN PELANGGARAN.

2. KAMI TIDAK MEMBUAT APA-APA WARANTI BAHAWA (i) PORTAL SANDLER TIDAK AKAN TERGANGGU, TEPAT PADA MASANYA, SELAMAT, ATAU BEBAS DARIPADA KESILAPAN, (ii) HASIL YANG MUNGKIN DIPEROLEH DARIPADA PENGGUNAAN PORTAL SANDLER ADALAH TEPAT ATAU ANDAL, (iii) KUALITI MANA-MANA PRODUK, PERKHIDMATAN, MAKLUMAT, ATAU BAHAN LAIN YANG ANDA BELI ATAU PEROLEH MELALUI PORTAL SANDLER AKAN MEMENUHI JANGKAAN ANDA, ATAU (iv) APA-APA KESILAPAN DALAM PERISIAN AKAN DIBETULKAN.

Bahagian 15: Pembatasan Liabiliti

ANDA MEMAHAMI DAN BERSETUJU DENGAN JELAS BAHAWA BUKAN KAMI ATAU PEGAWAI, PENGARAH, PEKERJA, JURULATIH BERLESEN, AHLI GABUNGAN, KONTRAKTOR, VENDOR ATAU PEMBERI LESEN KAMI PERLU BERTANGGUNGJAWAB UNTUK APA-APA GANTI RUGI SECARA LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, KHAS, TURUTAN ATAU TELADAN, TERMASUK GANTI

RUGI UNTUK HILANG KEUNTUNGAN, MUHIBAH, PENGGUNAAN, DATA ATAU KERUGIAN TIDAK KETARA YANG LAIN (WALAUPUN KAMI TELAH DIBERITAHU MENGENAI KEMUNGKINAN GANTI RUGI TERSEBUT), AKIBAT DARIPADA: (i) PENGGUNAAN ATAU KETIDAKUPAYAAN ANDA MENGGUNAKAN PORTAL SANDLER; (ii) KOS PEMEROLEHAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN PENGGANTI AKIBAT DARIPADA MANA-MANA BARANGAN, DATA, MAKLUMAT ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBELI ATAU DIPEROLEH ATAU MESSAGES YANG DITERIMA ATAU TRANSAKSI YANG DIMASUKKAN KE DALAM MELALUI ATAU DARIPADA PORTAL SANDLER; (iii) AKSES ATAU PINDAAN PENGHANTARAN, DATA ATAU KANDUNGAN PENGGUNA LAIN YANG TIDAK DIBENARKAN; (iv) PERNYATAAN ATAU KELAKUAN MANA-MANA PIHAK KETIGA DI PORTAL SANDLER; ATAU (v) APA-APA PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PORTAL SANDLER.

Bahagian 16: Notis

PORTAL SANDLER boleh memberikan notis perubahan kepada Terma Penggunaan ini atau perkara lain dengan memaparkan notis atau pautan notis kepada anda secara umum mengenai PORTAL SANDLER.

Bahagian 17: Umum

Terma Penggunaan ini membentuk keseluruhan perjanjian antara anda dan kami yang berkaitan dengan penggunaan anda terhadap PORTAL SANDLER dan mengawal penggunaan anda terhadap PORTAL SANDLER, menggantikan mana-mana perjanjian terdahulu antara anda dan kami, atau anda dan jurulatih kami yang berlesen. Anda juga mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang mungkin dikenakan apabila anda menggunakan perkhidmatan gabungan, kandungan pihak ketiga atau perisian pihak ketiga. Terma Penggunaan ini dan hubungan antara anda dan kami akan dikawal oleh undang-undang Negeri Maryland, Amerika Syarikat tanpa mengambil kira konfliknya terhadap peruntukan undang-undang. Anda dan kami bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa peribadi dan eksklusif mahkamah negeri dan persekutuan yang terletak di dalam atau berkaitan dengan Wilayah Baltimore, Maryland, Amerika Syarikat. Tanpa mengambil kira mana-mana statut atau undang-undang atau undang-undang yang berlawanan, apa-apa tuntutan atau kuasa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan PORTAL SANDLER atau Terma Penggunaan ini mesti difailkan dalam tempoh setahun selepas tuntutan tindakan tersebut timbul atau dihalang untuk selama-lamanya.

Apa-apa akses, pengubahsuaian atau perubahan mana-mana maklumat yang tidak dibenarkan, atau mana-mana gangguan terhadap ketersediaan atau akses kepada PORTAL SANDLER adalah dilarang sama sekali. Kami mempunyai semua hak dan ganti rugi yang tersedia untuk kami secara sah dari segi undang-undang dan penafian ini tidak sama sekali boleh dianggap sebagai pembatasan atau penepian mana-mana hak lain yang kami ada.

Kegagalan kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak atau peruntukan Terma Penggunaan ini tidak boleh menjadi penepian hak atau peruntukan tersebut. Jika mana-mana peruntukan Terma Penggunaan ini didapati oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten sebagai tidak sah, walau bagaimanapun pihak berkenaan bersetuju bahawa mahkamah

harus berusaha untuk menjadikannya berfungsi kepada niat pihak seperti yang ditunjukkan dalam peruntukan itu dan peruntukan lain Terma Penggunaan ini masih berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya. Tajuk Bahagian dalam Terma Penggunaan ini hanya untuk kemudahan dan tidak mempunyai kesan undang-undang atau kontrak.

Bahagian 18: Pentadbir Sistem

Sila laporkan mana-mana pelanggaran Terma Penggunaan ini kepada pentadbir sistem:

Shannon Howell, VP Legal
Sandler Systems, Inc.
300 Red Brook Boulevard, Suite 400
Owings Mills, MD 21117, U.S.A.
Nombor Telefon: (410) 559-2020
Nombor Faks: (410) 653-6467
E-mel: legal@sandler.com

TAMAT

Tarikh terakhir dikemas kini: 29 Ogos 2018